

# Pendapatan isi rumah meningkat

CHRISTINA ULAU

KUCHING, Selasa — Pendapatan isi rumah bulanan purata di negeri ini telah meningkat dari RM3,581 sebulan pada 2009 kepada RM4,293 sebulan pada 2012.

Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga, Datuk Hajah Fatimah Abdullah berkata, Pekali Gini yang digunakan untuk mengukur jurang perbezaan pendapatan antara bandar dan luar bandar pula menunjukkan penurunan daripada 0.448 kepada 0.440 bagi tempoh yang sama.

"Sarawak yang luas dengan demografi tersendiri dan kepelbagaian etnik memerlukan maklumat makro untuk memberi fokus terhadap setiap program kepada kumpulan sasarannya.

"Justeru, statistik yang terhasil daripada penyiasatan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia itu sangat diperlukan sebagai input bagi setiap perancangan yang akan dilaksanakan," katanya.

Teks ucapannya dibacakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Damai, Dr. Haji Abdul Rahman Junaidi semasa merasmikan Seminar Kepentingan Statistik Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah Kepada Pembangunan Sosioekonomi Negara di sini, hari ini.

Fatimah berkata, pendapatan isi rumah bulanan purata di Malaysia pula menunjukkan peningkatan dari RM4,025 sebulan pada 2009 kepada RM5,000 sebulan pada 2012 manakala, pekali gini telah menurun daripada 0.441 kepada 0.431 bagi tempoh yang sama.

Tambahnya, untuk dua tempoh

**TERIMA KASIH ...**  
Ketua Perangkawan  
Malaysia, Datuk  
Dr. Haji Abdul  
Rahman Hasan  
menyampaikan  
cenderahati kepada  
ADUN Pantai  
Damai, Dr. Haji  
Abdul Rahman  
Junaidi di Kuching,  
semalam.



tersebut kadar kemiskinan menyusut dari 3.8 peratus kepada 1.7 peratus, ini merupakan indikator atau penunjuk terhadap kejayaan dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Dalam pada itu, katanya, kira-kira 12,300 isi rumah meliputi 31 buah daerah pentadbiran di seluruh negeri ini akan dilawati dan ditemu ramah oleh pegawai daripada Jabatan Perangkaan Malaysia bermula dari Januari hingga Disember ini.

"Penyiasatan ini akan meliputi semua negeri dan daerah pentadbiran di negara dengan respondennya terdiri daripada isi rumah yang terpilih," tegasnya sambil memohon agar semua responden memberi kerjasama.

Menurut Fatimah, seramai 83,500 isi rumah di seluruh negara yang tinggal di tempat kediaman persendirian akan terlibat dan ditemu ramah bagi mendapatkan maklumat berkaitan demografi, pendapatan, perbelanjaan

dan kemudahan asas.

"Pelbagai langkah ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020, maka keperluan data dan maklumat statistik yang berwibawa sangat kritikal untuk dijadikan rujukan dan panduan untuk penggubalan dasar dan polisis bersesuaian diperlukan.

"Pendekatan 'evidence-based policy making' atau penggubalan dasar dan polisis berdasarkan fakta adalah merupakan antara pendekatan terbaik kerana ia dapat menepati situasi sebenar sesebuah negara," jelasnya.

Justeru, kata Fatimah, bagi memastikan data dan maklumat yang dibekalkan adalah berkualiti dan memenuhi keperluan pengguna, Jabatan Perangkaan perlu lebih inovatif dalam kaedah pengumpulan data tersebut.

Sementara itu, Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Dr. Haji Abdul Rahman Hasan berkata, maklumat yang dikutip hasil dar-

ipada bancian Jabatan Perangkaan Malaysia adalah dijamin kerahsiaannya seperti termaktub dalam Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989).

"Mengikut akta ini, maklumat yang diberikan dalam borang soal selidik adalah sulit dan tidak akan didedahkan kepada mana-mana individu lain. Untuk tujuan penyebaran, hanya angka agregat akan diterbitkan," ujarnya.

Rahman berkata, maklumat yang tepat dan berkualiti adalah amat penting kerana statistik itu adalah input bagi mengukur kemajuan pembangunan sosioekonomi negara dan perancangan kerajaan negeri Sarawak untuk program pembangunan negeri dan seterusnya menggubal dasar yang sesuai.

Hadir sama, Pengarah Bahagian Korporat dan Khidmat Pengguna, Jabatan Perangkaan Putrajaya, Nazaria Baharudin dan Timbalan Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Sarawak, Sabrina Sabri.